

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID (KEMAMAN)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Kementerian mengambil kira faktor bebanan tugas guru dalam merangka pelan sesi persekolahan secara penggiliran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa cakna dan peka dalam memastikan murid mendapat pendidikan yang terbaik dalam apa jua keadaan khususnya pembelajaran murid yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Menerusi pelan komprehensif pengoperasian semula sekolah secara bersemuka, KPM melaksanakan sistem penggiliran murid hadir ke sekolah mengikut minggu. Langkah ini diambil bagi mengurangkan kesesakan murid di dalam kelas dengan penjarakan fizikal yang baik. Kaedah penggiliran ini diguna pakai untuk semua kelas kecuali:

- i. Murid Bekeperluan Khas di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK)/ Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK) / Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI);
- ii. murid di Tingkatan 5 di sekolah harian (apabila sekolah mencapai 90 peratus dan lebih kadar vaksinasi);
- iii. murid di Tingkatan 6 Semester 2 dan International Baccalaureate Diploma (IBD) Tahun 2;
- iv. murid di sekolah asrama sepenuhnya;
- v. murid kelas peperiksaan antarabangsa;
- vi. murid prasekolah/tadika swasta/pusat perkembangan minda (4-6 tahun); dan
- vii. murid di Sekolah Kurang Murid (kurang 150 murid).

SOALAN NO : 19

Dalam merangka pelan ini, KPM turut mengambil kira faktor bebanan tugas guru. Justeru, guru hanya melaksana sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada giliran kumpulan murid yang hadir secara bersemuka ke sekolah. PdP bersemuka di sekolah dilaksanakan mengikut jadual waktu yang ditetapkan.

Bagi giliran kumpulan murid yang berada di rumah, mereka mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdPR) secara kendiri. Guru akan menjelaskan tentang aktiviti, latihan atau tugas yang perlu dilaksanakan berdasarkan topik yang akan dipelajari sebelum giliran sesi PdPR secara kendiri bermula. Di samping itu, guru akan turut memberi sumber rujukan yang boleh digunakan oleh murid semasa pembelajaran di rumah. Ini membolehkan murid mengikuti aktiviti pembelajaran melalui TV Pendidikan, rakaman video, pelantar DELIMA serta SumberKU. Guru juga boleh memberi tugas untuk murid membuat buku skrap, projek mudah, aktiviti amali mudah atau membaca buku, modul, buku teks dan nota. Tugasan ini akan disemak oleh guru apabila murid kembali ke sekolah pada minggu berikut.

Bagi memastikan pelaksanaan pengoperasian PdP secara penggiliran berjalan dengan baik, KPM telah menyediakan Manual Pengoperasian Pengajaran dan Pembelajaran Secara Penggiliran sebagai panduan kepada guru tentang pelaksanaannya. Guru boleh merujuk kepada manual tersebut untuk memudahkan pelaksanaan PdP mereka dalam tempoh ini.

KPM yakin guru komited dalam memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka berjalan dengan lancar dan selamat supaya PdP dapat diikuti oleh murid dan dilaksanakan oleh guru dengan berkesan.